

Gaya hidup, pengambilan pemakanan tidak sihat jadi penyumbang utama

Kelantan tertinggi mati sakit jantung

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA – Kelantan merekodkan kadar kematian tertinggi berpunca daripada masalah jantung atau penyakit jantung iskemik pada tahun 2022 berdasarkan dapatan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian Malaysia 2023.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, peratusan kematian bagi penyakit jantung iskemia di Kelantan ialah 23.3 peratus diikuti Perlis (23.1 peratus) dan Melaka (20 peratus).

"Sebanyak 206,525 kematian direkodkan pada 2022 yang mana 126,268 (61.1 peratus) adalah sebab kematian yang disahkan secara perubatan dan 80,257 (38.9 peratus) adalah sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.

"Penyakit jantung iskemik adalah sebab kematian utama di Malaysia pada 2022 dengan 20,322 kematian atau 16.1 peratus daripada jumlah kematian yang disahkan secara perubatan.

"Penyakit jantung iskemik atau ischaemic heart diseases kekal sebagai sebab kematian

utama sejak lebih dua dekad yang lalu kecuali pada 2021 di mana jangkitan virus Covid-19 menjadi sebab kematian utama," jelasnya melalui satu kenyataan semalam.

Penyakit jantung iskemik atau turut dikenali sebagai penyakit jantung koronari terjadi akibat arteri menyempit, sekali gus menyebabkan organ jantung kurang mendapat zat makanan dan oksigen penting untuk melancarkan proses mengempam darah ke seluruh tubuh.

Mengulas lanjut, Mohd. Uzir berkata, penyakit jantung iskemik juga merupakan sebab kematian utama di 73 daerah pentadbiran dan peratusan tertinggi direkodkan di daerah Bera, Pahang dengan 26.9 peratus.

Katanya, pneumonia pula merupakan sebab kematian utama di 67 daerah pentadbiran dengan peratusan tertinggi dicatatkan oleh Kecil Lojing, Kelantan iaitu 24.4 peratus.

"Selain itu, strok direkodkan sebagai sebab kematian utama di 11 daerah, manakala pernafasan kronik direkodkan di dua daerah, darah tinggi di dua daerah dan kanser paru-paru di satu daerah iaitu Belaga, Sarawak,"

katanya.

Tambah beliau, sebanyak 13,817 (18.2 peratus) kematian yang disebabkan oleh penyakit jantung iskemik adalah dalam kalangan lelaki, manakala sebab kematian utama bagi perempuan adalah pneumonia (radang paru-paru) iaitu 7,201 (14.3 peratus).

Katanya, penyakit jantung iskemik merupakan sebab kematian utama bagi semua kumpulan etnik utama di Malaysia yang mana Melayu (17.3 peratus), Cina (14.7 peratus) dan India (21.1 peratus) kecuali Bumiputera Lain yang merekodkan pneumonia (11.5 peratus) sebagai sebab kematian utama.

Sementara itu, jelas Mohd Uzir, *Diabetes Mellitus* lebih sinonim dengan kematian bagi etnik Melayu dan India, manakala masalah kanser adalah sebab kematian dalam kalangan etnik Cina.

"Amalan gaya hidup dan pengambilan pemakanan yang tidak sihat adalah antara penyumbang kepada

kematian disebabkan penyakit jantung iskemia pada masa kini iaitu berlaku apabila saluran darah menjadi keras dan sempit disebabkan oleh plak kolesterol.

"Faktor risiko utama lain yang menjadi penyebab penyakit ini adalah termasuk merokok, paras kolesterol yang tinggi, tekanan darah tinggi, diabetes dan faktor usia," jelasnya.



13,817 kes kematian akibat penyakit jantung yang direkodkan tahun lalu adalah dalam kalangan lelaki.

– GAMBAR HIASAN